

INTEGRASI METODOLOGI FIQH DAN HADIS OLEH AL-RĀFI'Ī: KAJIAN DALAM KITAB *FATH AL-'AZĪZ*

Integration of Fiqh and Hadith Methodologies by al-Rāfi'ī: A Study of the Book Fath al-'Azīz

ⁱ* Ahmad Hafiz Mohd Rozmizi

ⁱⁱ Thuraya Ahmad

ⁱ* Jabatan Al-Quran & Al-Sunnah, Fakulti Peradaban Pengajian Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000, Kajang, Selangor.

ahmadhafizmohdrozmizi@gmail.com

ⁱⁱ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Jalan Universiti, 11700, Gelugor, Pulau Pinang. thuraya@usm.my.

* (Corresponding author) E-mail: ahmadhafizmohdrozmizi@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini meneliti ketokohan al-Rāfi'ī sebagai tokoh utama mazhab Shafi'i yang digelar *Mujtahid Fatāwā*, namun sumbangannya kurang diberi perhatian dalam kajian kontemporari. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai ketokohan dan sumbangannya dalam perkembangan mazhab Shafi'i, menganalisis metode penulisan dalam karya *Fath al-'Azīz* dan meneliti pendekatan beliau dalam pendalilan berdasarkan hadis. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks terhadap karya tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa al-Rāfi'ī diiktiraf sebagai tokoh berautoriti dalam fiqh dan hadis, malah sebahagian ulama menilai beliau lebih mendalam dalam bidang hadis berbanding al-Nawawī. Dari sudut metodologi, beliau mengaplikasikan *istidlāl* yang tersusun dengan

menggabungkan *tarjīh* mazhab dan analisis dalil. Kesimpulannya, al-Rāfi‘ī memainkan peranan penting dalam memperkukuh tradisi mazhab Shafi‘i. Kajian ini memberi implikasi terhadap keperluan memperluas penyelidikan tentang sumbangannya dalam bidang fiqh dan hadis.

Kata Kunci: al-Rāfi‘ī; *Fath al-‘Azīz*; metodologi fiqh; integrasi fiqh–hadis.

ABSTRACT

This study examines the scholarly stature of al-Rāfi‘ī as a leading figure of the *Shāfi‘ī* school, who is regarded as a *Mujtahid Fatāwā*, yet whose contributions have received limited attention in contemporary research. Accordingly, this study aims to evaluate his authority and contributions to the development of the *Shāfi‘ī* school, analyze the writing methodology employed in *Fath al-‘Azīz*, and examine his approach to legal reasoning based on hadith. The study adopts a qualitative approach through textual analysis of the work. The findings indicate that al-Rāfi‘ī is recognized as an authoritative scholar in both fiqh and hadith, with some scholars considering him more profound in hadith than al-Nawawī. In terms of methodology, he applies a systematic approach to *istidlāl* by integrating madhhab-based *tarjīh* with critical analysis of evidences. In conclusion, al-Rāfi‘ī plays a significant role in strengthening the intellectual tradition of the *Shāfi‘ī* school. This study highlights the need for further research on his contributions in the fields of fiqh and hadith.

Keywords: al-Rāfi‘ī; *Fath al-‘Azīz*; fiqh methodology; integration fiqh-hadis.

PENDAHULUAN

al-Rāfi‘ī adalah tokoh besar dalam mazhab Shafi‘i, namun menurut Abd Rahman Rahuni & Mualimin Mochammad, penulisan berkenaan peribadi dan ketokohan beliau (al-Rāfi‘ī) kurang popular dalam kalangan penulis berbanding al-Nawawī yang telah melalui jalan yang dirintis oleh beliau.¹ Setelah kemunculan al-Nawawī, para ulama tertumpu kepadanya melebihi kepada al-Rāfi‘ī. Implikasi daripada kekurangan penulisan dan kajian terhadap ketokohan al-Rāfi‘ī ialah menyebabkan kesukaran menemukan penulisan tentang beliau dan kajian terhadap karya-karya beliau sehingga para pengkaji susah mendapatkan rujukannya.²

al-Iraqī telah menjelaskan bahawa gurunya, Abū Sa‘id al-‘Ala‘ī telah membandingkan al-Nawawī dan al-Rāfi‘ī dalam hadis dan menyimpulkan, al-Rāfi‘ī lebih alim dalam ilmu hadis berbanding dengan al-Nawawī.³ Walaupun sebahagian ulama yang lain seperti yang disebutkan oleh Muḥammad bin Sulaymān al-Kurdī bahawa Zayn al-Dīn al-Iraqī lebih memilih *tawaqquf* dalam hal ini⁴, namun, pengiktirafan ulama terhadap kealiman al-Rāfi‘ī dalam ilmu hadis menunjukkan jasanya besar dalam ilmu hadis. al-Rāfi‘ī telah menghasilkan kitab fiqh yang berjudul *Fath al-‘Azīz* yang sangat istimewa kerana huraiannya mendalam dan dikemukakan hadis yang diujahkan dalam Mazhab Shafi‘i bagi kebanyakan hukum-hakam sehingga menghimpunkan 2995 hadis.⁵ Justeru, kajian ini dibuat bagi mengkaji ketokohan al-Rāfi‘ī dan metode penulisan fiqh dan hadis dalam *Fath al-‘Azīz*.

¹ Abd Rahman Rahuni & Mualimin Mochammad, "Imam Ar-Rafi‘i dan peranannya dalam perkembangan Mazhab Syafi‘i", *Jurnal al-Shafi‘i* 9, (2019): 20.

² Waḥīd ‘Āṭif ‘Abd al-‘Azīz, *al-Imam al-Rāfi‘ī wa juhūdahu fī al-Fiqh al-Islāmī*, Kajian sarjana yang belum diterbitkan, Universiti Kaherah, 2012, 12.

³ Al-Malibārī, Aḥmad Kūyā bin ‘Alī, *Al-‘Awa‘id al-Dīniah fī talkhīs al-Fawā‘id al-Madanīyyah*, Kajian sarjana yang belum diterbitkan, Universiti al-Azhar, 2009, 60.

⁴ Al-Kurdī, Muḥammad bin Sulaymān, *al-Fawa‘id al-Madanīyyah fī man yuḥḍar bi qawlihi min a‘immat al-Shāfi‘īyyah*, (Beirut: Dār Nūr al-Ṣabāḥ, 2011), 48.

⁵ Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, (Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2011), 2: 465.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kajian kepustakaan bagi meneliti sumber-sumber yang berkaitan. Kaedah pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah analisis dokumen, iaitu dengan menghimpunkan bahan daripada rujukan klasik berbahasa Arab, khususnya karya *Fath al-'Aziz* oleh al-Rāfi'ī, serta kitab-kitab *turāth* dan sumber kontemporari yang membincangkan pemikiran beliau dalam bidang fiqh dan hadis. Selain itu, bahan sokongan seperti artikel jurnal, tesis dan penulisan ilmiah turut dirujuk bagi memperkukuh analisis.

Dari sudut analisis data, kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan analisis kandungan. Analisis teks diaplikasikan bagi meneliti sumbangan al-Rāfi'ī dalam mazhab Shafi'i. Manakala analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti dan menghuraikan metodologi fiqh serta pendekatan penggunaan hadis dalam karya *Fath al-'Aziz*, termasuk aspek *istidlāl*, *tarjih* dan integrasi dalil. Pengkaji merujuk kepada edisi terbitan *Jā'izat Dubai al-Dawliyyat li al-Qur'ān al-Karīm* yang ditahqīq oleh sekumpulan penyelidik di bawah seliaan Prof. Dr. Muḥammad 'Abd al-Raḥīm Sulṭān al-'Ulamā'. Edisi ini dipilih kerana ketelitian penyuntingannya yang berasaskan perbandingan beberapa manuskrip, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan data kajian.

PENGENALAN AL-RĀFI'Ī

Biografi Ringkas

Nama beliau adalah 'Abd al-Karīm bin Muḥammad bin Muḥammad bin 'Abd al-Karīm bin al-Faḍl bin al-Ḥasan ibn al-Ḥusayn al-Rāfi'ī, al-Qazwinī, al-Shāfi'ī⁶. Abū al-Qāsim al-Rāfi'ī dilahirkan pada tahun 555H⁷ di kota Qazvin. Para ilmuwan telah bersepakat bahawa penisbahan al-Rāfi'ī adalah diambil daripada penisbahan kepada Rāfi'ān, salah satu daerah di wilayah Qazvin, sepertimana yang

⁶ Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān, *Siyar A'lām al-Nubala'*, (Beirut: Mu'asasah al-Risālah, 1984), 22: 252.

⁷ Al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubala'*, 22: 252.

dinyatakan oleh al-Nawawī. Walau bagaimanapun, al-Rāfi‘ī sendiri menyatakan penisbahan nama al-Rāfi‘ī adalah kepada moyangnya yang merupakan seorang tabi‘i yang bernama al-Rāfi‘ atau Abū al-Rāfi‘⁸. Gelaran al-Rāfi‘ī merupakan nisbah yang paling utama dan gelaran yang paling masyhur pada diri beliau⁹. Gelaran al-Qazwinī, ia merupakan nisbah kepada kota yang beliau tinggal, namun beliau tidak begitu masyhur dikenali dengan gelaran ini.

Kewafatannya

Para sejarawan sepakat bahawa tempat kewafatan beliau adalah kota Qazvin, pada tahun 623H¹⁰, ketika umur beliau berusia hampir 66 tahun, dan dikebumikan di Qazvin.

Guru Dan Muridnya

a) Gurunya Yang Masyhur

Guru pertama al-Rāfi‘ī ialah bapanya sendiri, sehingga ramai ulama mengatakan bahawa “Tidak diketahui siapa lagi yang belajar daripadanya (bapanya), kecuali dia (al-Rāfi‘ī) sahaja”¹¹. Hal ini menjadikan murid bagi bapanya yang terkenal hanyalah dirinya sendiri. Bahkan bapanya telah menumpukan pengajaran dan pembelajaran kitab hanya kepadanya.

- i) Bapa al-Rāfi‘ī sendiri iaitu: Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Rāfi‘ī; Abū al-Faḍl. Beliau mempunyai sejarah hidup dan peribadi yang baik, serius dalam ilmu dan ibadah, hidup bersederhana dan tidak meminta-minta, tidak makan kecuali rezeki yang halal. Dilahirkan di Qazvin pada tahun 513H, dan menuntut ilmu daripada sekalian para ulama di sana, bermusafir menuntut ilmu ke kota Rayy, Baghdad, Nishapur dan lain-lain. Beliau merupakan salah salah seorang guru senior al-Rāfi‘ī.

⁸ Al-Rāfi‘ī, ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad, *al-Tadwīn fi akhbār Qazwīn*, (Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 1988), 1: 330.

⁹ Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf, *Tahdhīb al-Asmā` wa al-Lughāt*, (Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, Beirut, 2003), 2: 264.

¹⁰ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 22: 254.

¹¹ Ibn Qāḍī Shuhbah, Abū Bakr bin Aḥmad, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, (Beirut: Dār ‘Ālim al-Kutub, 1987), 2: 95.

Beliau ialah murid kepada Muḥammad bin Yaḥyā yang merupakan murid kepada al-Ghazālī. Beliau belajar kepadanya ketika ke Nishapur. Menurut Ibn Kathīr, ayah kepada al-Rāfi‘ī menjadi mahir dan memperoleh Mazhab Syafii melalui Muḥammad bin Yaḥyā¹². Beliau meninggal dunia pada tahun 580H¹³.

- ii) ‘Umar bin As‘ad bin Aḥmad. al-Rāfi‘ī menyebutkannya seorang yang *muttaqin* dan seorang *al-hāfiẓ*¹⁴.
- iii) Shahrādār bin Shīrawayh bin Fanākhsarū, ‘alim dan muhaddīth. Beliau seorang hafiz, ‘arif berkenaan ilmu hadis¹⁵.
- iv) Abū Zur‘ah Ṭāhir bin Muḥammad bin al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin Ṭāhir al-Shaybānī al-Hamadhānī, dilahirkan di kota Rayy pada tahun 481H, seorang perawi yang *ṣadūq*¹⁶.
- v) Abū al-Faṭḥ Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī bin Aḥmad bin Sulaymān al-Baghdādī al-Baṭṭī, seorang ‘alim yang *ṣadūq*¹⁷.
- vi) Abū Sulaymān Aḥmad in Hasanawayh bin Hājī al-Zubayrī; Dilahirkan pada tahun 480H, merupakan seorang imam, pakar ilmu nasab dan seorang faqīh¹⁸.
- vii) Rajab bin Mazkūr bin Arnub, seorang ulama yang buta penglihatan, yang memiliki hadis-hadis yang sahih, sanadnya juga tinggi, sekelompok besar ahli hadis telah meriwayatkan daripadanya¹⁹.

Sebagai seorang *muhaddīth*, *faqīh* dan ahli usul yang hebat, al-Rāfi‘ī mempunyai guru yang sangat ramai. Kesemua guru-gurunya ini membuktikan bahawa al-Rāfi‘ī bukan sahaja menguasai ilmu fiqh, tetapi beliau mempunyai ramai guru dalam hadis.

¹² Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Ṭabaqāt al-Fuqahā` al-Shāfi‘iyyīn*, (Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 1993), 704.

¹³ al-Rāfi‘ī, *al-Tadwīn fī akhbār Qazwīn*, 1: 329.

¹⁴ Al-Rāfi‘ī, *al-Tadwīn fī akhbār Qazwīn*, 3: 442.

¹⁵ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 20: 375.

¹⁶ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 20: 503-504.

¹⁷ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 20: 481.

¹⁸ Al-Rāfi‘ī, *al-Tadwīn fī akhbār Qazwīn*, 2: 160-163.

¹⁹ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 21: 229.

b) Muridnya Yang Masyhur

Seorang ulama unggul pasti mempunyai ramai murid, namun yang disenaraikan oleh al-Subkī adalah seperti berikut: “Antara yang meriwayatkan daripada beliau adalah al-Ḥāfiẓ ‘Abd al-‘Azīm al-Munzīrī dan lain-lain.” Antara lain ialah anak beliau sendiri, ‘Azīz al-Dīn Muḥammad ‘Abd al-Karīm, Abū al-Thana` Mahmūd bin Abū Sa‘īd al-Qazwīnī al-Ṭawūsī, Abū al-Faṭḥ ‘Abd al-Hādī bin ‘Abd al-Karīm al-Qutayyī, dan Qāḍī al-Qudāh ‘Imād al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Sukarī dan lain-lain²⁰.

Hasil Penulisan

Sebagaimana kesungguhannya menekuni pelbagai bidang ilmu, kitab yang dihasilkan al-Rāfi‘ī juga terdiri daripada pelbagai cabang ilmu. Hal ini menunjukkannya tidak berpada dengan satu bidang khusus seni ilmu atau bidang kemahiran dalam penulisan karya. Di sini, pengkaji senaraikan beberapa karya beliau yang dimaklumi oleh para ulama seperti berikut:

a) Ilmu al-Fiqh

- i) *Al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz* atau *al-Sharḥ al-Kabīr*²¹. Kitab ini ditulis sebagai huraian dan penjelasan kepada kitab *al-Wajīz* karya al-Ghazālī.
- ii) *Al-Sharḥ al-Saghīr* yang merupakan syarah kepada kitab *al-Wajīz*, lebih kecil berbanding *al-Sharḥ al-Kabīr*. al-Rāfi‘ī tidak menamakan judul kitab ringkasan ini²². Namun ulama kemudian memberikan judul *al-Sharḥ al-Saghīr* kerana ia adalah syarahan yang lebih kecil daripada kitab asal.
- iii) *Al-Muḥarrar fī al-Fiqh*²³. Selain al-Rāfi‘ī mensyarahkan *al-Wajīz*, beliau juga meringkaskannya dengan dinamakan *al-Muḥarrar fī al-Fiqh*. Kitab ini kemudiannya diringkaskan intipatinya oleh al-Nawawī di dalam *Minḥāj al-Ṭālibīn*.

²⁰ Al-Subkī, *Ṭabaqāt Al-Al-Shāfi‘iyyah Al-Kubrā*, 5: 122.

²¹ Al-Dhahabī, *Siyar A‘Lām Al-Nubalā`*, 22: 253.

²² Al-Saqqāf, Sayyīd ‘Alawī ibn Aḥmad. *al-Fawa‘id al-makkiyyah fī mā yahtājuh talabat al-shāfi‘iyyah min al-masā‘il wa al-qawā‘id al-kuliyyah majmu‘ah kutub mufidah*, (Tarim: Markaz al-Nūr li al-Dirāsāt wa al-Abhath, 2018), 114.

²³ al-Hāyis, *Tahqīq al-‘Azīz sharḥ al-Wajīz*, 1: 75.

- iv) *Al-Mahmūd*, sebuah kitab dalam fiqh yang amat ringkas, menurut Ibn Hidāyatullāh sempat ditulis sehingga akhir bab al-Ṣalāh dan ketebalannya mencapai jumlah lapan jilid sebelum al-Rāfi‘ī menghentikan penulisannya untuk mula menulis kitab *al-‘Azīz*²⁴.
- v) *Al-Tadhīb* sebuah kitab dalam perbahasan furu‘ dalam satu jilid; penuh dengan faedah-faedah ilmu, dan komentar tambahan terhadap intipati kitab *al-Wajīz*²⁵. Menurut Ḥassān bin Jāsīm al-Hāyis, kitab ini kemudiannya diringkaskan oleh al-Nawawī dengan judul *al-Muntakhab*²⁶.

Kelima-lima kitab yang ditulis ini adalah jasa al-Rāfi‘ī terhadap usaha mengembangkan fiqh Mazhab Syafii yang kemudiannya dimanfaatkan oleh ulama berikutnya untuk menyambung usaha mulia ini.

b) Ilmu Hadis

- i) *Sharḥ Musnad al-Shāfi‘ī* yang mula ditulis pada bulan Rajab tahun 612H²⁷.
- ii) *Arba‘ūn Hadīthan*, pernah disebut oleh al-Dhahabī dalam *Siyar A‘lām al-Nubalā`*²⁸.
- iii) *Amālī ‘alā Thalāthīn Hadīthan*²⁹.

c) Ilmu Tafsir

Al- Amālī al-Shāriḥah ‘alā Mufradāt al-Fātiḥah yang terkandung di dalam sebanyak tiga puluh 30 risalah kecil berisi hadis-hadis yang diriwayatkan beserta sanadnya daripada sekalian gurunya bertemukan surah al-Fatihah³⁰.

²⁴ Ibn Hidāyatullāh, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, (Beirut: Dār al-Afaq al-Jadīdah, 1982), 249.

²⁵ Al-Subkī, *Ṭabaqāt Al-Al-Shāfi‘iyyah Al-Kubrā*, 5: 120.

²⁶ Al-Hāyis, *Tahqīq Al-‘Azīz Sharḥ Al-Wajīz*, 1: 75.

²⁷ Al-Dhahabī, *Siyar A‘Lām Al-Nubalā`*, 22: 253.

²⁸ Al-Dhahabī, *Siyar A‘Lām Al-Nubalā`*, 22: 253.

²⁹ Al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā`*, 22: 253.

³⁰ Al-Dhahabī, *Siyar A‘Lām Al-Nubalā`*, 22: 253.

d) Ilmu Sejarah

- i) *Al-Tadwīn fī akhbār Qazwīn* adalah buku sejarah yang menyebutkan keutamaan negeri Qazvin dan keistimewaannya.³¹
- ii) *Al-Ījāz fī Akhṭār al-Hijāz*, yang merupakan beberapa kertas kajian beliau yang ringkas berisi hasil dapatan dan faedah yang terlintas di fikiran beliau sepanjang permusafirannya menunaikan haji³².
- iii) *Al-Qawl al-Faṣl fī Faḍl Abī al-Faḍl* yang menulis biografi tentang bapanya yang juga merupakan gurunya, yang merupakan salah satu bahagian daripada kitabnya, *al-Tadwīn*³³.

Pujian Ulama KEPADANYA

Sebagai seorang ulama yang telah melengkapinya bidang-bidang ilmu yang dikuasainya dan meninggalkan kitab yang memberi banyak manfaat kepada ummah, sudah tentu banyak pujian yang ulama berikan kepada al-Rāfi‘ī. Pengkaji akan mulakan pujian ulama mengikut zaman, bermula daripada zamannya sehingga zaman berikutnya. Antara ulama yang memberi pujian kepadanya ialah:

- i) Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Amr bin Abī Bakr al-Ṣaffār al-Isfarayīnī yang merupakan murid kepada al-Rāfi‘ī berkata, “guru kami seorang tokoh agama ikutan yang sebenar, penolong sunah yang benar, Abū Bakr ‘Abd al-Karīm ibn Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Rāfi‘ī al-Qazwīnī adalah salah seorang pada zamannya yang menguasai ilmu-ilmu agama, usulnya dan furuknya. Seorang mujtahid di zamannya dalam Mazhab Syafii. Permata pada zamannya dalam ilmu tafsir dan mazhab. Beliau mempunyai majlis tafsir dan majlis *samā‘* hadis di Masjid Qazvin”³⁴.

³¹ Al-Hāyis, *Tahqīq Al-‘Azīz Sharḥ Al-Wajīz*, 1: 76.

³² Al-Rāfi‘ī, *‘al-Tadwīn Fi Akhbār Qazwīn*, 1: 3.

³³ Al-Rāfi‘ī, *al-Tadwīn fī akhbār Qazwīn*, 1: 329.

³⁴ Ibn al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munīr*, 1: 327.

- ii) Ibn al-Ṣalāḥ yang hidup sezaman dengan al-Rāfi‘ī iaitu pada kurun ke-6 berkata “Saya rasakan, saya tidak pernah melihat orang yang sehebat beliau di negeri ‘*ajam*”³⁵.
- iii) al-Nawawī yang hidup pada kurun ke-7 berkata “al-Rāfi‘ī seorang imam yang memiliki lautan ilmu dalam berkenaan Mazhab Syafii dan ilmu yang begitu banyak”³⁶.
- iv) al-Isnawī yang hidup pada kurun ke-8 berkata “Beliau adalah imam dalam fiqh, tafsir, hadis, usul dan lain-lain. Murni lisan dalam penulisannya, banyak adabnya, berhati-hati dalam menukilkan kalam ulama”³⁷.
- v) Ibn Qāḍī Shuhbah yang hidup pada kurun ke-9 pula berkata “Kepada beliaulah (al-Rāfi‘ī), umum para *fuqahā`* dalam kalangan pengikut kita (*al-Shāfi‘iyyah*) pada zaman ini, dari segenap pelusuk wilayah dan negeri akan merujuk dan berpaut. Beliau telah menyaingi ramai tokoh-tokoh terdahulu, dan telah menggapai sebuah tempat tinggi jauh meninggalkan orang-orang yang terdahulu, martabat beliau ini terlalu tinggi dan tidak mampu digapai oleh sesiapa pun, melainkan orang yang menelusuri jejak langkah beliau dengan benar”³⁸.

Pada hakikatnya, jika hendak dihimpunkan pujian ulama terdahulu dan sarjana kontemporari terhadap al-Rāfi‘ī amatlah banyak. pengkaji telah memadai mendatangkan pujian sebilangan ulama untuk membuktikan kebijaksanaan, pengorbanan, jasa dan ketinggian ilmunya yang telah diakui ulama berkurun-kurun lamanya.

Pengenalan Kitab *FATH AL-‘AZĪZ*

Sejarah Penulisan Kitab Fiqh

Kitab awal dalam mazhab Shāfi‘ī adalah *al-Umm* dan *al-Imla`* yang merupakan karya al-Shāfi‘ī sendiri. Lalu ditambah lagi dengan kitab

³⁵ Al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā` wa al-Lughāt*, 2: 264.

³⁶ Al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā` wa al-Lughāt*, 2: 264.

³⁷ Al-Isnawī, ‘Abd al-Raḥmān bin Ḥasan, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, (Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 2002), 1: 571.

³⁸ Ibn Qāḍī Shuhbah, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, 2: 75.

Mukhtaṣar al-Muzanī dan *Mukhtaṣar al-Buwayṭī* yang merupakan penulisan murid kanan al-Shāfi‘ī yang mengumpulkan fatwa al-Shāfi‘ī. Pada era seterusnya, al-Ḥaramayn telah menghimpun dan menyusunkannya dalam kitabnya yang berjudul *Nihāyah al-Maṭlab*. Menurut Mohammad Zaini dan Muhammad Adib, “kitab ini bukan sekadar syarah kepada *Mukhtaṣar al-Muzanī* semata-mata, malah ia sebenarnya himpunan kepada ilmu al-Shāfi‘ī di dalam kitab-kitab beliau yang lain, iaitu *al-Umm*, *al-Imla’*, *al-Buwayṭī* dan juga mukhtaṣar *al-Muzanī* ini”³⁹.

Setelah tersedia kitab *Nihāyah al-Matlab*, para ulama telah menumpukan sepenuhnya kepada kitab ini dan meninggalkan kitab-kitab sebelumnya⁴⁰ kerana al-Ḥaramayn telah menghimpunkan seluruh pandangan al-Shāfi‘ī dan murid-muridnya dalam kitab tersebut. Murid kepada al-Ḥaramayn iaitu al-Ghazālī telah membuat ringkasan kepada kitab *Nihāyah al-Matlab* kepada beberapa peringkat iaitu *al-Basīṭ*, kemudian diringkaskan lagi kepada *al-Wasīṭ* dan diringkaskan kepada *al-Wajīz*.

Pada era sebelumnya, pandangan Mazhab Shafi’i telah berkembang kepada dua madrasah iaitu madrasah *Iraqiyyun* dan *Khurasaniyyun*. Rentetan daripada itu, pandangan Mazhab Shaf’i telah berlaku perselisihan di antara kedua-dua madrasah ini. Oleh itu, ulama Mazhab Shafi’i perlu menyaring dan menyunting pandangan al-Shāfi‘ī dan pandangan ulama mazhabnya bagi memastikan perkembangan mazhab berada di atas landasan usul yang telah ditegakkan oleh al-Shāfi‘ī. Menurut Nik Airin Aqmar, “antara *fuqahā* Mazhab Shafi’i yang menggalas peranan ini (menyunting mazhab) ialah ‘Abd al-Karīm bin

³⁹ Mohammad Zaini Yahaya dan Muhammad Adib Samsudin, Imam al-Ḥaramayn al-Juwayni dan Karya Agungnya *Nihāyat al-Maṭlab fī Dirāyat al-Madhhab*”, *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1, no. 1, (2022): 12.

⁴⁰ Al-Saqqāf, *al-Fawa'id al-makkiyyah fī mā yahtājūh talabat al-shāfi'iyyah min al-masā'il wa al-qawā'id al-kuliyah majmu'ah kutub mufidah*, 115.

Muhammad al-Rāfi‘ī dan Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī⁴¹. al-Rāfi‘ī telah membuat huraian kepada kitab *al-Wajīz* kepada dua tahap iaitu huraian yang panjang dengan disertakan dalilnya iaitu *al-‘Azīz* atau dikenali juga dengan nama *Sharḥ al-Kabīr*. Kitab ini kemudian dinamakan oleh ulama terkemudian dengan judul *Fath al-‘Azīz fī Sharḥ al-Wajīz*. Manakala tahap kedua ialah huraian yang ringkas iaitu *Sharḥ al-Ṣaghīr*.

Pujian Ulama Terhadap Kitab *Fath al-‘Azīz*

Sebagaimana para ulama memuji al-Rāfi‘ī kerana kealiman, kezuhudan, kesungguhan dan kehebatannya. Maka demikian juga pujian ulama ke atas hasil peulisannya seperti *al-‘Azīz*. Para ulama memuji hasil penulisan ini seolah-olah dengan kitab ini beliau telah menghidupkan kembali Mazhab Shafi‘i dengan perbahasan lebih kemas dan dalil yang lebih jelas. Hal ini seperti yang telah disebutkan oleh al-Subkī ketika memuji kitab al-Rāfi‘ī dan kitabnya *Fath al-‘Azīz* “Adapun ilmu fiqh, maka beliau merupakan panutan bagi sekalian *ahl al-taḥqīq*, guru bagi sekalian penulis bidang tersebut, seakan-akan ilmu fiqh itu telah mati, lantas datanglah beliau menghidupkannya semula, menyebarkannya,” hingga beliau (al-Subkī) berkata “Beliau menukilkan banyak nukilan (daripada *mutaqaddimīn*) dan aktif mengeluarkan fatwa yang diiktiraf sebagai pandangan dalam mazhab.”⁴²

Pengkaji bersetuju dengan kata-kata Ibn Qāḍī Shuhbah “Martabat al-Rāfi‘ī terlalu tinggi dan tidak mampu digapai oleh sesiapa pun, melainkan orang yang menelusuri jejak langkah beliau dengan benar”.⁴³ Jika ditelusuri sejarah perkembangan Mazhab Shafi‘i, pengkaji mendapati bahawa antara ulama yang menjejaki langkah al-Rāfi‘ī ialah al-Nawawī yang dikenali sebagai *mujtahid fatawā* yang kedua selepas al-Rāfi‘ī. Hal ini kerana al-Nawawī telah meringkaskan kitab *Fath al-‘Azīz* kepada kitab *Rawḍat al-Talibīn*. al-Nawawī berkata dalam mukadimah kitab tersebut seperti berikut:

⁴¹ Nik Airin Aqmar et al., “Analisis Perkembangan Istilah Qawl Muktamad dan Rujukan Kitab Muktamad dalam Mazhab Syafie”, *Jurnal ‘Ulwan* 8, no. 1, (2023): 260-261.

⁴² Al-Subkī, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*, 5: 120.

⁴³ Ibn Qāḍī Shuhbah, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, 2: 75.

Karangan-karangan para ulama kami terlalu banyak bilangannya sehingga bertebaran secara meluas yang mana mengandungi perbezaan dalam pemilihan-pemilihan, maka mazhab ini tidak ditahqīq melainkan melalui beberapa individu yang diberi taufiq, yang menyelami, menyelidik dan mempunyai kesungguhan yang tinggi. Allah S.W.T. telah memberi taufiq, alhamdulillah kepada mutakhirīn ulama kami untuk menghimpunkan jalan-jalan periwayatan yang berbeza-beza, menyunting mazhab dengan sebaik-baik suntingan, menghimpunkan yang bertebaran dengan menggagaskan istilah-istilah yang ringkas dan memasukkan apa yang ada daripada kitab-kitab yang terkenal, dia yang dimaksudkan ialah ulama yang agung yang menyerlah sebagai tulang belakang ilmu mazhab, Abū al-Qāsim al-Rāfi‘ī, seorang yang banyak melakukan semakan. Beliau telah membawa dalam karyanya (Sharḥ al-Wajīz) dengan penguasaan yang luas dengan olahan yang ringkas, teliti dan penerangan istilah-istilah⁴⁴.

Kemudian, al-Nawawī mengakhiri kitab *Rawḍah* dengan berkata “al-Rāfi‘ī telah melakukan suatu kerja yang terbaik apabila beliau telah melakukan kerja-kerja *tahqīq*, melaksanakan ringkasan, menekuninya dan menguasai keseluruhan (*nusus* mazhab dan *pengikut*) di dalam karyanya ini, beliau memudahkan kerja menelusuri pendapat yang bertebaran dan berselerakan dalam mazhab, memberi nafas segar buat para mufti dan penuntut ilmu”⁴⁵.

Apabila dilihat pujian al-Nawawī terhadap hasil kerja al-Rāfi‘ī, jelas menunjukkan bahawa al-Nawawī begitu menyanjungi penulisan al-Rāfi‘ī yang telah membantu menghadirkan pelbagai permasalahan fiqh dan menyelesaikan dengan *qawl ashāb* yang bertepatan dengan usul

⁴⁴ Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf, *Rawḍat al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muḥtājīn*, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1991), 1: 4-5.

⁴⁵ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muḥtājīn*, 12: 315.

Mazhab Shafi'i. Penulisan al-Nawawī dalam kitab *Rawḍat al-Ṭālibīn* pula adalah bertujuan memudahkan generasi seterusnya memahami kitab *Fath al-'Azīz* kerana baginya kitab tersebut terlalu panjang untuk dipelajari penuntut ilmu di zamannya. Hal ini dinyatakan oleh al-Nawawī seperti berikut:

Namun kitab itu terlalu besar saiznya, kebanyakan orang tidak mampu untuk menyelam dan mengutip manfaat daripadanya pada kebanyakan waktu; lantas Allah SWT mengilhamkan daku untuk meringkaskannya dalam beberapa jilid buku yang sedikit sahaja, aku laksanakannya dengan niat mempermudah jalan⁴⁶.

Ibn Kathīr yang hidup kurun ke-8 Hijrah berkata dalam pujiannya kepada *Fath al-'Azīz* “Beliau ialah pemilik kitab syarah yang masyhur seperti ilmunya yang tersebar luas yang menjadi khazanah ilmu bagi ulama-ulama Mazhab Shafi'i yang terkehadapan. Beliau menjadi rujukan kepada seluruh *fuqahā`* daripada ulama mazhab kami di negara ini. Orang lain tidak akan dapat mencapai kedudukan seperti nya jika tidak meletakkan tangan ditempat yang diletak kakinya. Tidak akan mendapat ilmunya melainkan orang yang melalui jalannya. Dan tidak akan merasai kedalaman ilmunya melainkan orang menelusuri laluan nya”⁴⁷. Pujian Ibn Kathir ini membuktikan bahawa al-Rāfi'ī dan kitabnya telah memberi sumbangan yang besar kepada ulama-ulama terkemudian sehingga disifatkan sesiapa yang nak menguasai Mazhab Syafii tidak dapat tidak mesti melalui jalan keilmuan al-Rāfi'ī.

Penghasilan mahakarya beliau, kitab *al-'Azīz* adalah suatu penulisan yang ditunggu-tunggu sejak dahulu. Sekalipun, dikatakan bahawa syarah kepada kitab *al-'Azīz* mencapai 70 syarah.⁴⁸ Para ulama tidak pernah melihat penulisan yang menghuraikan kitab *al-Wajīz* seperti yang telah dihasilkan oleh beliau. Antara yang berpandangan sedemikian

⁴⁶ Al-Nawawī, *Rawḍat al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muḥtāḥ*, 1: 5.

⁴⁷ Ibn Kathīr, *Ṭabaqāt al-Fuqahā` al-al-Shāfi'īyyīn*, 814.

⁴⁸ Al-Hāyis, *Tahqīq al-'Azīz sharḥ al-Wajīz*, 1: 82.

ialah Ibn al-Ṣalāḥ dan al-Isnawī. Ibn al-Ṣalāḥ berkata “(Beliau) menulis syarah atas kitab *al-Wajīz* dalam beberapa belas jilid yang mana belum pernah lagi *al-Wajīz* disyarahkan sehebat itu”.⁴⁹ Manakala al-Isnawī pula berkata “(Beliau) mensyarahkan *al-Wajīz*, belum pernah ditulis sebuah kitab semisal itu sepanjang (sejarah) mazhab”⁵⁰.

Kekaguman Ibn Mulaqqin terhadap kitab *al-‘Azīz* dapat dilihat melalui kenyataannya, “Kitab ini tidak pernah seorang yang menulis seumpamanya, tiada seorang ulama terdahulu yang menghimpunkannya seperti yang dilakukan oleh al-Rāfi‘ī pada susunannya, saringannya dan suntingannya pada Mazhab Syafii. Kini, ulama kami dari seluruh dunia menjadikannya menjadikannya sebagai rujukan pada fatwa, pembelajaran dan penulisan. Dan mereka berpegang kepadanya pada urusan-urusan ini”⁵¹.

Al-Rāfi‘ī merupakan seorang ulama berkaliber yang dikenali di seluruh dunia sejak zaman berzaman. Justeru, jika hendak dikumpulkan pujian ulama terhadapnya amatlah banyak dan tidak terkira. Malah, kitabnya yang paling masyhur ialah *Fath al-‘Azīz* yang telah disyarah, diringkaskan dan diberikan perhatian begitu teliti oleh para ulama. Bagi tujuan itu, pengkaji akan senaraikan beberapa kitab yang para ulama hasilkan kerana memberi khidmat kepada kitab ini.

Perhatian Ulama Kepada Kitab *Fath al-‘Azīz*

Setelah nama al-Rāfi‘ī harum di persada dunia, para ulama telah memberikan perhatian yang mendalam kepada kitabnya *Fath al-‘Azīz*. Ini telah menjadi budaya ilmu sejak dahulu lagi. Ulama terkemudian memberi khidmat kepada penulisan kitab ulama yang terdahulu.

a) Kitab Syarah *Fath al-‘Azīz*

Walaupun kitab *Fath al-‘Azīz* sudah cukup tebal kerana mencapai belasan jilid, bahkan cetakan Jā`izat Dubai al-Dawliyyat li al-Qur`ān al-

⁴⁹ Al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā` wa al-Lughāt*, 2: 264.

⁵⁰ Al-Isnawī, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, 1: 281.

⁵¹ Ibn al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munīr*, 1: 281.

Karīm bersama *taḥqīq* telah mencapai 23 jilid, namun sebahagian ulama berpandangan kitab ini perlu dihuraikan teksnya dan ditambah permasalahan fiqhnya. Atas usaha ini, sebahagian ulama mensyarakannya, antaranya ialah:

- i) Muḥammad bin Aḥmad ibn al-Rabwah (w. 764H) dengan judul *al-Dūr al-Nazīm fī sharḥ ishkal al-Kabīr*.⁵²
- ii) Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Bahādir bin Abdullāh al-Zarkashī (w. 794H) yang merupakan murid kepada al-Isnawī telah mensyarakannya dengan judul *Khabāyā al-Zawāyā*.⁵³
- iii) Muḥammad bin Muḥammad bin al-Khādir al-Asdī al-‘Īzrī (w. 875H) dengan judul *al-Zahīr ‘alā fiqh al-Sharḥ al-Kabīr*.⁵⁴

b) Kitab Ringkasan *Faṭḥ al-‘Azīz*

Sebaliknya terdapat sebahagian ulama yang berpandangan kitab ini terlalu besar sehingga perlu diringkaskan untuk memudahkan pengajian fiqh Mazhab Syafii, Justeru, antara yang memberikan khidmat meringkaskannya ialah:⁵⁵

- i) Ibrāhim bin ‘Abd al-Wahhāb al-Zinjānī (w. 666H) yang beliau menamakannya sebagai: *Naqāwat Faṭḥ al-‘Azīz*.⁵⁶
- ii) al-Nawawī (w. 676H) meringkaskannya dengan judul *Rawdat al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muṭtiyyīn*.
- iii) ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Rahmān bin ‘Aqīl al-Qurashī (w. 769H) dengan judul *Mukhtaṣar Sharḥ al-Rāfi‘ī li wajiz al-Ghazālī*.⁵⁷
- iv) ‘Abd al-Rahīm al-Isnawī (w. 772H) dengan judul *Talkhīs al-Rāfi‘ī al-Kabīr*.

⁵² Ḥājī Khalīfah, Muṣṭafā bin ‘Abdullāh, *Kashf al-Zunūn an asāmī al-kutub al-funūn*, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, 2020), 2: 2003.

⁵³ Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn an asāmī al-kutub al-funūn*, 2: 2003.

⁵⁴ Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Zunūn an asāmī al-kutub al-funūn*, 2: 2003.

⁵⁵ Al-Mubārakī, *Taḥqīq wa dirāsah al-qism al-tāsi‘ min kitab Faṭḥ al-‘Azīz fī sharḥ al-Wajīz*, 47-48.

⁵⁶ Al-Mubārakī, *Taḥqīq wa dirāsah al-qism al-tāsi‘ min kitab Faṭḥ al-‘Azīz fī sharḥ al-Wajīz*, 48.

⁵⁷ Al-Mubārakī, *Taḥqīq wa dirāsah al-qism al-tāsi‘ min kitab Faṭḥ al-‘Azīz fī sharḥ al-Wajīz*, 48.

- v) Aḥmad bin Ḥamdān al-Azru‘ī (w. 645H) dengan judul *al-Tawassut wa al-faṭḥ bayna al-Rawdat wa al-Sharḥ*.
- vi) Sālih bin ‘Umar bin Raslan al-‘Asqalānī (w. 643H) dengan judul *Talkhīs al-Fawā‘id al-Mahdah ‘ala al-Rāfi‘ī wa al-Rawdat*.

c) **Kitab Ta‘liqat wa al-Isyārāt**

Terdapat banyak kitab yang membuat catatan atau huraian ringkas bagi teks dalam kitab *Faṭḥ al-‘Azīz*, antara yang disenaraikan oleh Yaḥyā Husayn adalah seperti berikut:

- i) *Khādim al-Rāfi‘ī wa al-Rawḍah* oleh penulisnya Abū ‘Abdullāh Muḥammad al-Zarkashī (w. 794H).
- ii) *al-Fawā‘id al-Mahdah ‘alā al-Rāfi‘ī wa al-Rawḍah* oleh penulisnya, ‘Umar bin Raslan al-Bulqīnī (w. 805H).
- iii) *al-Muhimmāt ‘alā al-Rawḍah* oleh al-Isnawī (w. 772H)⁵⁸.

d) **Kitab Takhrīj**

Kitab *Faṭḥ al-‘Azīz* mengandungi banyak hadis sehingga menghimpunkan 2,995 hadis yang tidak berulang dan jika dikira jumlah keseluruhan hadis yang dimuatkan dalam *Faṭḥ al-‘Azīz*, ia mengandungi lebih 4,000 hadis⁵⁹. Jumlah ini setanding dengan jumlah hadis yang tidak berulang yang terdapat dalam Sahih Muslim iaitu sekitar 3,033 hadis⁶⁰. Oleh itu, para ulama telah berusaha untuk melakukan *takhrīj* kepada hadis-hadis yang terdapat dalamnya. Antara kitab *takhrīj* yang terawal seperti yang disenaraikan oleh Narjis ‘Aṭīyyah Ibrāhīm adalah seperti berikut:

- i) *Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘ī* oleh penulisnya, Muḥammad bin ‘Alī bin ‘Abd al-Wāhid yang dikenali dengan nama Ibn al-Naqāsh (w.749H).
- ii) *Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘ī al-Kabīr* oleh penulisnya, Aḥmad bin Aybak al-Dimyātī (w.749H).

⁵⁸ Al-Mubārakī, *Tahqīq wa dirāsah al-qism al-tāsi‘ min kitab Faṭḥ al-‘Azīz fī sharḥ al-Wajīz*, 48.

⁵⁹ Ibn al-Mulaqqin, *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*, 2: 465.

⁶⁰ Muhammad Asrori Ma’sum, “Histori Hadits Karya Imam Muslim: Peran Penting Kitab Hadits Ṣaḥīḥ Muslim dalam Mendefinisikan Pendidikan”, *Journal Didaktika Religia* 4, no. 1, (2016): 115.

- iii) *Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘ī* oleh Abū ‘Umar ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad bin Jamā‘ah (w. 767H).
- iv) *al-Dhahab al-Ibrīz fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘ī* oleh Abū ‘Abdullāh Muḥammad al-Zarkashī (w. 794H).
- v) *al-Badr al-Munīr fī Takhrīj Ahādīth al-Sharḥ al-Kabīr* oleh Abū Hafṣ ‘Umar bin ‘Alī al-Anṣārī, yang masyhur dengan gelaran Ibn al-Mulaqqin (w. 804H).
- vi) *Khulasat al-Badr al-Munīr* oleh Ibn al-Mulaqqin.
- vii) *al-Talkhīs al-Ḥabīb fī takhrīj ahādīth al-Rāfi‘ī al-Kabīr* oleh Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (w. 852H).
- viii) *Nashr al-‘Abīr fī takhrīj ahādīth al-Sharḥ al-Kabīr* oleh Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (w. 911H)⁶¹.

METODE PENULISAN KITAB *FATH AL-‘AZĪZ*

Kerangka Teras Penulisan *Fath al-‘Azīz*

Berdasarkan kajian terhadap teks yang *ditaḥqīq*, boleh kita simpulkan metodologi al-Rāfi‘ī adalah seperti berikut:

- i) al-Rāfi‘ī tidak mengubah susunan kitab *al-Wajīz* sebaliknya syarahannya adalah mengikut sepenuhnya turutan bab, fasal dan permasalahan kitab *al-Wajīz* dalam penyusunan karyanya ini secara tepat.
- ii) Kebiasaannya setiap bab akan dimulai dengan menyebutkan dalil sama ada daripada al-Qur`an atau hadis.
- iii) Beliau akan memulakan syarah dengan menukikan kata-kata al-Ghazālī dengan teks yang asal dengan menyebutkan “*qala rahimahullah*” (Beliau telah berkata) atau “*qala Hujjat al-Islam*” (Hujjat al-Islam telah berkata) sebelum mendatangkan teks al-Ghazālī yang asal untuk membezakan kalamnya dan kalam al-Ghazālī.
- iv) Setelah itu, al-Rāfi‘ī akan menghuraikan teks al-Ghazālī sama ada memperincikan teks tersebut atau mendatangkan contoh masalah.

⁶¹ Ibrāhīm, Narjis ‘Atīyyah. *Khādīm al-Rāfi‘ī wa al-Rawḍah: Taḥqīq wa Dirasah*, Tesis sarjana yang belum diterbitkan, Universiti Umm al-Qura, 2014, 40-41.

- v) Sekiranya bab, fasal atau permasalahan tersebut memerlukan kepada abstrak, pendahuluan atau definisi; sama ada berteraskan aspek bahasa, syarak atau apa jua dalil-dalil, maka beliau akan mendatangkannya terlebih dahulu. Seterusnya barulah beliau mengungkapkan makna bagi topik tersebut selepas itu, terkadang dengan meletakkan fasal tertentu, atau himpunan fasal yang berbilang-bilang, atau pelbagai *masa'il*, atau apa-apa gambaran permasalahan, dan lain-lain perkara yang semisal dengannya.
- vi) Bagi permasalahan yang mudah, beliau tidak akan menerangkannya dan meninggalkan daripada membahaskannya.
- vii) Bagi permasalahan yang sukar, beliau akan menghuraikannya secara terperinci
- viii) Jika sesuatu permasalahan itu berulang, beliau memaklumkan bahawa ia telah dibahaskan sebelumnya. Pada sebahagian tempat, walau permasalahan berulang beliau menjelaskan sebab pengulangan tersebut.
- ix) Pada sebahagian permasalahan, dalam rangka beliau berusaha menyiapkan kitabnya sebagai *qawl* muktamad Mazhab Shafi'i, beliau turut mengkritik pandangan al-Ghazālī dan membantah pendapatnya serta memperbetulkannya; dengan mendatangkan dalil dan *ta'lim* bagi menguatkan kritikan beliau.
- x) Sekiranya sesuatu permasalahan itu merupakan *mahall al-khilāf*, jika al-Ghazālī mengisyaratkan terdapat perbezaan pendapat para ulama dengan menyatakan, “pada masalah ini terdapat dua pandangan” dengan istilah *wajhain* atau *qawlain*, al-Rāfi'ī menjelaskan pandangan pertama dikemukakan oleh ulama mazhab lain atau pandangan daripada Mazhab Shafi'i sendiri. Dan pandangan kedua pula yang dikuatkan oleh al-Ghazālī pula dijelaskan sesuai dengan pandangan siapa.
- xi) Sekiranya al-Rāfi'ī setuju dengan pandangan yang *ditarjīh* oleh al-Ghazālī maka menyebut bahawa pandangan itu adalah *asahh* yang menunjukkan beliau juga *mentarjīh* pandangan tersebut.
- xii) Terkadang al-Rāfi'ī hanya menyebut nama ulama dengan *rumuz* seperti huruf “ح” yang merujuk kepada Abū Ḥanīfah.
- xiii) Sekiranya al-Ghazālī tidak menyebutkan adanya khilaf dalam sesuatu masalah, al-Rāfi'ī sendiri akan menjelaskan titik

perbezaan tersebut. Beliau akan menukulkan kalam-kalam al-Shāfi‘ī berkenaan perkara tersebut, kemudian beliau akan menukulkan pelbagai pendapat dalam mazhab, berupa *wujūh* dan *turuq* yang pelbagai berkenaannya, lantas beliau memilih pendapat yang *asah* daripada sekian banyak pendapat tersebut. Terkadang beliau ada mendatangkan dalil bagi membantah pihak yang berlawanan.

- xiv) Ada ketikanya, beliau melaksanakan proses ekstrak (*takhrīj*) ke atas suatu *qawl*, begitu juga beliau melakukan percambahan (*tafri‘*) bagi sebuah isu yang mempunyai dua *qawl* atau salah satu *qawl* daripadanya; kemudian beliau menukulkan sekalian *turuq* dan pandangan berkenaan *qawl* tersebut, dan siapakah yang berpegang pada pendapat tersebut dalam kalangan *al-ashab* dan lain-lain ulama, beserta alasan pendalilan sekiranya memerlukan demikian.
- xv) Jika terlalu panjang pandangan yang hendak dihujahkan maka beliau akan meringkaskannya.
- xvi) al-Rāfi‘ī begitu berhati-hati dalam menukulkan segenap perkataan dan kuotasi di dalam karyanya ini, al-Isnawī berkata, beliau tidak akan menukulkan sebarang perkataan atau pendapat daripada seseorang melainkan apabila beliau melihat teks tersebut, jika beliau tidak dapat menjumpainya, beliau hanya akan berkata: “(Dikatakan) daripada fulan, (bahawa dia berpendapat) sekian sekian”⁶².
- xvii) Metodologi beliau dalam menukulkan dalil-dalil ialah kebanyakan dalil yang beliau gunakan adalah dalil-dalil akal (*al-ma‘qul*), manakala pendalilan menggunakan Quran adalah agak sedikit, dan beliau hanya menukulkannya pada bahagian awal bab sahaja, seperti bab *al-Shahadat*. Adapun dalil al-Sunnah dan athar-athar, ketika menggunakannya, beliau akan menukulkan teks hadis dengan secara penuh, atau adakalanya hanya sebahagian sahaja, dan barangkali juga beliau hanya mendatangkan makna konteks daripada hadis tersebut sahaja tanpa menyebut siapakah perawi hadis itu, dan tanpa menyebut

⁶² Al-Isnawī, *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, 1: 571.

penilaian status hadis tersebut. Ibn al-Mulaqqin menyatakan, keadaan ini menyebabkan sebahagian hadis yang dinukilkan terdiri daripada hadis *da'if*, palsu, *munkar* dan *wāh*⁶³. Kekurangan ini ditampung oleh para ulama kemudian yang melakukan kerja *takhrīj* bagi menjelaskan darjat hadis-hadis yang telah dinukilkan.

- xviii) Pada beberapa tempat, penghujahan al-Rāfi'ī adalah dengan menggunakan kaedah fiqh seperti “Rukhsah tidak diberikan kepada pelaku maksiat”, “Keyakinan tidak ditolak dengan syak”, “Suatu ijtihad tidak dibatalkan dengan ijtihad yang lain”, “tidak lazim lawan bagi perkara *mustahab* ialah suatu yang makruh” dan banyak lagi kaedah-kaedah fiqh yang beliau gunakan.
- xix) Metodologi beliau dalam *al-tarjīh* (menguatkan salah satu pendapat), beliau gunakan nyata mengisyaratkan dengan sekadar menyebut: “*al-asah* (yang lebih sahih)”, atau “*al-asah* di sisi majoriti” atau “*al-asah* adalah apa yang diperkatakan oleh si fulan”, dan yang semisal dengannya. Apabila beliau cenderung untuk memilih salah satu pendapat daripada sekian banyak pendapat, beliau akan berkata: أقر بهما “Ini yang paling dekat (dengan ketepatan)”, atau أظهرهم “Ini yang (dilihat) terbaik” atau أشبههما “Ini yang paling menyerupai (sunnah)”, أرجحهما “Ini yang paling kuat” dan lafaz-lafaz yang seumpamanya.
- xx) Kebiasaan beliau, ketika menjawab mengemukakan khilaf, salah satu khilaf beliau akan mulakan dengan meriwayatkan daripada Nabi S.A.W. atau athar para sahabat sebagai sokongan kepada pandangan tersebut.
- xxi) Adakalanya beliau menafsirkan sebahagian ungkapan yang ganjil dan sukar, dan adakalanya beliau membiarkan sahaja; hal ini kerana demikian merupakan tujuan terpenting beliau adalah menzahirkan hukum-hakam daripada kitab ini serta mencambahkan perbahasannya semata-mata. Justeru, kekurangan ini telah ditampung ulama yang terkemudian yang membuat syarah, *ta'liq* atau ulama yang menulis kitab semata-

⁶³ Ibn al-Mulaqqin, *al-Badr al-Munīr*, 1: 281.

mata menjelaskan maksud ungkapan *gharib* yang terdapat dalamnya.

- xxii) Pada bahagian akhir kebanyakan bab pula, beliau akan mendatangkan permasalahan yang *furu'* yang tidak disebutkan yang beliau nukilkan daripada kitab *al-Umm* dan kitab *al-Imla'*, atau daripada kitab-kitab sidang *ashab al-wujuh* sepertimana beliau mengujarkan: “Ini merupakan *furu'* daripada kitab *al-Umm*”, “...daripada *al-Istakhri*”, atau “*al-Qaffal* berkata di dalam *al-Fatawa*”, atau “*al-Qadi Husayn* berfatwa”, dan lain-lain.
- xxiii) Pada bahagian akhir beberapa fasal, beliau akan menghimpunkan sekalian simbol (*rumuz*) yang digunakan oleh *al-Ghazālī*, adakala beliau melakukan pembetulan, adakalanya beliau menyalahkannya, atau memberikan perincian, penambahan, memperjelaskan *pandangan al-mukhalafah* (perselisihan pendapat) secara lebih terperinci, bahkan ada juga beliau menambah simbol huruf *al-Alif* bagi mengisyaratkan perselisihan *Aḥmad bin Ḥanbal* ketika beliau mendiamkan berkenaan sesuatu perkara.

Sumber Kitab

Al-Rāfi'ī yang hidup sehingga awal kurun ke-7H mempunyai kelebihan dengan terbentang kepadanya banyak rujukan untuk Mazhab *Shafi'i* atau kitab-kitab ulama Mazhab *Syafii*. Justeru, penghasilan kitab beliau *Fath al-'Azīz* telah ditulis dengan mengambil manfaat daripada kitab-kitab tersebut. Bahkan beliau juga merujuk pandangan mazhab lain juga ketika menjelaskan perbezaan pandangan tentang sesuatu perkara. Sekiranya kitab tersebut beliau sendiri yang baca maka beliau akan menyebutkan penama bagi pandangan tersebut, contohnya seperti berikut:

وَقَالَ مَالِكٌ وَأَبُو حَنِيفَةَ يُكْمَلُ نِصَابُ أَحَدُهُمَا بِالْآخَرِ

Maksudnya: Dan *Mālik* dan *Abū Ḥanīfah* menghukumkan disempurnakan *nisāb* salah satu daripada kedua-duanya dengan yang selainnya⁶⁴.

⁶⁴ *Al-Rāfi'ī*, *Fath al-'Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 6: 9.

Adapun jika beliau hanya mendengar pandangan itu maka beliau hanya akan menyebutkan, “Si fulan berpandangan...” seperti berikut:

وَأَمَّا فِي الْعَسَلِ فَلَا يُقَالُ بِالْكَرَاهَةِ

Maksudnya: Adapun pada ketika mandi, fulan berpandangan dengan makruh (menyapu khuf ketika mandi)⁶⁵.

Antara sumber dalam penulisannya adalah seperti berikut:

- i) Kitab-kitab al-Shāfi‘ī, seperti *al-Risālat fī al-Uṣūl*, *Aḥkām al-Qur`ān*, *al-Umm*, *al-Imlā`* dan *al-Mabsūṭ*.
- ii) Kitab murid al-Shāfi‘ī seperti *Mukhtaṣar al-Muzanī*, *Mukhtaṣar al-Buwayfī* dan *Mukhtaṣar Ḥarmalah*.
- iii) Kitab-kitab al-Ghazālī seperti *al-Wasīt*, *al-Basīt*, *al-Mustaṣfā* dan *Ihya` ‘Ulūm al-Dīn*.
- iv) Kitab-kitab para *ashab al-wujūh* dan ia begitu banyak sekali, menurut al-Isnawī seperti yang dinukilkan oleh Ibn Qāḍī Shuhbah, “Enam sumber yang dipegang oleh al-Rāfi‘ī iaitu *Tahdhīb* oleh al-Baghawī, *al-Nihāyah* oleh al-Juwaynī, *al-Shāmil* oleh Ibn al-Sabbāgh, *Tajrīd* oleh Ibn Kaj dan *Amālī* oleh al-Sarakhsī”.⁶⁶ Selain itu, kebanyakan yang beliau nukilkan adalah daripada kitab *al-Furūq* dan *‘Uyūn al-Masā’il* oleh Abū Muḥammad, *al-Tatimmah* oleh al-Fawranī, *al-‘Uddah* oleh Abū al-Makārim, *al-Bayān* oleh al-‘Imrānī dan banyak lagi yang lain.
- v) Apabila menukulkan daripada mazhab-mazhab yang lain beliau akan menyebutkan ia pandangan daripada Abū Ḥanīfah, Mālik atau Aḥmad tanpa menyebut nama kitab. Ini menunjukkan bahawa beliau turut menelaah kitab-kitab para pengasas mazhab serta ilmuan daripada kalangan pengikutnya. Dalam permasalahan tertentu beliau, ada menukulkan daripada Abū Yūsuf, Muḥammad bin al-Ḥasan dan selain mereka berdua tanpa menyebut nama kitab.

⁶⁵ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 2: 393.

⁶⁶ Ibn Qāḍī Shuhbah, *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah*, 1: 273.

- vi) Rujukan beliau untuk Mazhab Hanafi pula ialah kitab *Mukhtaṣar al-Karkhī* dan *Matn al-Qadūrī*.⁶⁷
- vii) Bagi rujukan dari sudut bahasa pula beliau merujuk kitab *al-Ṣiḥāḥ* oleh al-Jawharī dan *al-Gharībāyn* oleh al-Harawī.
- viii) Begitu juga beliau banyak menukulkan daripada pendapat-pendapat dan pandangan sebahagian para sahabat, para tabi'in dan ulama generasi selepas mereka. Ini menunjukkan bahawa al-Rāfi'ī telah merujuk kitab-kitab yang banyak dan melakukan telaah yang begitu meluas daripada khazanah karya-karya yang terdahulu.

Integrasi Fiqh Dan Hadis Dalam *Fath Al-'Azīz*

Al-Rāfi'ī seorang ulama hadis yang dikenali ramai dan sangat menjaga disiplin periwayatan hadis dalam kitabnya. Ketokohan beliau dalam hadis dapat dilihat melalui kemampuannya mendatangkan hadis-hadis sekitar perbahasan fiqh dalam kitabnya *Fath al-'Azīz*. Metodologi penulisan hadis yang dipraktik olehnya dapat disimpulkan seperti berikut:

- i) Apabila meriwayatkan hadis yang *ṣaḥīḥ* sama ada riwayat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* atau kesepakatan kedua-duanya, beliau akan meriwayatkan dengan *ṣiḡḥah jazm*. Contohnya ketika membahaskan tentang kesunahan membasuh tangan selepas bangun daripada tidur⁶⁸, al-Rāfi'ī telah meriwayatkan sabda Nabi S.A.W:

فَأَنَّهُ لَا يَدْرِي أَيَّنَ بَاتَتْ يَدُهُ

Maksudnya: Sesungguhnya dia tidak mengetahui di mana tangannya bermalam.

- ii) Apabila meriwayatkan hadis yang lemah maka, beliau akan menggunakan *ṣiḡḥah tamrīd*. Ketika al-Rāfi'ī menggunakan kalimah رُوِيَ ketika mendatangkan riwayat hadis perbuatan Umm

⁶⁷ Al-Hāyis, *Tahqīq al-'Azīz sharḥ al-Wajīz*, 1: 97.

⁶⁸ Al-Rāfi'ī, *Fath 'al-'Azīz sharḥ al-Wajīz*, 1: 280.

Aymān yang meminum air kencing Nabi S.A.W⁶⁹, Baginda bersabda:

إِذَا لَا تَلِجُ النَّارَ بِطَنِّكَ

Maksudnya: Jika begitu, api tidak akan menyentuh perut engkau.

- iii) Bagi hadis *ḍa'īf* yang diriwayatkannya sebagai sandaran hukum, beliau akan mendatangkan beberapa riwayat sebagai sokongan. Sebagai contoh, bagi menyokong pandangan yang mengecualikan darah Nabi S.A.W. daripada najis, al-Rāfi'ī telah mendatangkan riwayat daripada Abū Ṭaybah, Umm Aymān, 'Alī dan 'Abdullāh bin al-Zubayr⁷⁰.
- iv) Al-Rāfi'ī mengutamakan hadis yang diriwayatkan oleh al-Shāfi'ī, sekalipun ia *ḍa'īf*.
- v) Beliau tidak menyebutkan *takhrīj* kepada hadis yang dinukil olehnya. Inilah yang ditinggalkan oleh al-Rāfi'ī untuk dihidmati ulama terkemudian.
- vi) Al-Rāfi'ī tidak juga menyebutkan darjat hadis-hadis tersebut.
- vii) Ketika meriwayatkan hadis, beliau hanya menyebutkan hadis tanpa menyebutkan rantaian periwayat hadis. Contohnya, ketika meriwayatkan hadis “Sesungguhnya amal bergantung kepada niat”⁷¹. Hadis ini telah dimaklumi diriwayatkan oleh Umar tetapi nama perawi tidak disebut sama sekali.
- viii) Sebahagian hadis beliau hanya mengisyaratkan hadis tersebut tanpa menyebutnya dalam bentuk periwayatan. Ketika membahaskan khilaf tentang adakah darah Nabi S.A.W. dihukumkan najis atau tidak, al-Rāfi'ī telah menjawab dengan kata-kata Abū Ja'far al-Tirmidhī yang berkata⁷²:

لَا لِأَنَّ أَبَا طَيْبَةَ الْحَجَّامَ شَرَبَ دَمَهُ، وَلَمْ يُنْكَرْ عَلَيْهِ

⁶⁹ Al-Rāfi'ī, *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, 1: 270.

⁷⁰ Al-Rāfi'ī, *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, 1: 270.

⁷¹ Al-Rāfi'ī, *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, 1: 374.

⁷² Al-Rāfi'ī, *Fath al-'Aziz Sharh al-Wajiz*, 1: 269.

Maksudnya: *Tidak (najis), kerana Abū Taybah tukang bekam telah meminum darah baginda, dan tidak diingkari ke atasnya.*

- ix) Hadis yang panjang, al-Rāfi‘ī meriwayatkan secara terpotong kerana beliau hanya mahu *istinbāt* pada bahagian tersebut sahaja. Contohnya, ketika meriwayatkan hadis “Sesungguhnya amal bergantung kepada niat”. Hadis ini telah dimaklumi ada lafaz lengkap yang lebih panjang, namun al-Rāfi‘ī hanya meriwayatkan sepotong sahaja yang hendak beliau istinbat daripadanya.⁷³
- x) Ketika membahaskan perbezaan pandangan dalam mazhab, al-Rāfi‘ī akan mengisyaratkan dalil yang dipegang dalam Mazhab Syafii dengan menyatakan “bagi kami” (لنا). Sebagai contoh:

لَنَا: مَا رُوِيَ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ كَانَ يَدِيهِ حَذُو مَنْكَبَيْهِ

Maksudnya: *Dalil bagi kami: apa yang diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar bahawa Nabi S.A.W. mengangkat kedua-dua tangannya setentang dengan bahu baginda.*

- xi) al-Rāfi‘ī turut mendatangkan hadis yang menjadi pegangan mazhab lain dalam masalah yang khilaf dengan pegangan Mazhab Syafii. Contohnya dalam masalah kenajisan air mani yang diputuskan oleh Mazhab Hanafi dan Maliki⁷⁴, al-Rāfi‘ī telah mendatangkan hadis riwayat ‘Ammār R.A.:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: يُغْسَلُ الثَّوْبُ مِنَ الْبَوْلِ وَالْمَذْيِ وَالْمَنِيِّ

Maksudnya: *Rasulullah S.A.W. bersabda: Dibasuh pakaian yang terkena kencing, mazi dan air mani.*

- xii) Selepas meriwayatkan hadis diatas, al-Rāfi‘ī meriwayatkan hadis gharib sebagai sokongan dan menerima sebagai istihbab atas jalan menghimpunkan riwayat-riwayat⁷⁵. Contohnya al-Rāfi‘ī mendatangkan riwayat daripada ‘Ā`ishah R.Anha:

أَغْسَلِيهِ رَطْبًا، وَأَفْرِكِيهِ يَابِسًا

⁷³ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 1: 374.

⁷⁴ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 1: 275.

⁷⁵ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 1: 276.

Maksudnya: Basuhlah ia ketika masih basah dan singkirkannya ketika telah kering.

- xiii) Menyenaraikan sunah sesuatu amalan dengan diikuti hadis. Ketika al-Rāfi‘ī menyenaraikan sunah-sunah wuduk, beliau akan menyenaraikan perbuatan yang sunah tersebut dan setiap daripadanya diisyaratkan daripada hadis-hadis Nabi S.A.W..⁷⁶
- xiv) al-Rāfi‘ī menerima hadis da‘if bagi *faḍā’il al-a‘māl*. Beliau telah menjelaskan satu hadis iaitu “Tiada wuduk bagi orang yang tidak menyebutkan nama Allah”. Lalu, al-Rāfi‘ī menyatakan bahawa maksud “tiada wuduk” di sini ialah “tidak sempurna wuduk”⁷⁷. Hujahan ini al-Rāfi‘ī telah disandarkan kepada hadis Ibn ‘Umar R.A.:

مَنْ تَوَضَّأَ وَذَكَرَ اسْمَ اللَّهِ كَانَ طَهُورًا لِكُلِّ شَيْءٍ بَدَنِهِ، وَمَنْ تَوَضَّأَ وَمَنْ
يَذْكُرُ اسْمَ اللَّهِ كَانَ طَهُورًا لِأَعْضَاءِ وَضُوئِهِ

*Maksudnya: Sesiapa yang berwuduk dengan menyebut nama Allah maka menjadi ia suci seluruh badannya, dan sesiapa yang berwuduk dengan tidak menyebut nama Allah maka yang suci hanya pada anggota wuduknya sahaja*⁷⁸.

Rujukan Kitab Hadis al-Rāfi‘ī

Al-Rāfi‘ī tidak melakukan *takhrīj* kepada hadis-hadis yang dinukil olehnya. Oleh itu, al-Rāfi‘ī tidak menyebutkan nama kitab yang dirujuk bagi hadis-hadis yang dibawanya. Justeru, untuk memastikan rujukan hadis al-Rāfi‘ī, pengkaji telah meneliti kitab *Khulāṣat al-Badr al-Munīr* untuk mendapatkan data kitab-kitab hadis yang dirujuknya. Antara dapatan pengkaji ialah al-Rāfi‘ī telah merujuk meriwayatkan hadis-hadis daripada kitab berikut:

- i) *Muwaṭṭa` Mālik*

⁷⁶ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 1: 322.

⁷⁷ Al-Rāfi‘ī, *Fath al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, 1: 326.

⁷⁸ Al-Qārī, Mullā ‘Alī, *Mirqāt al-Mafātīḥ sharḥ Mishkāṭ al-Maṣābiḥ*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2002), no.402, 2: 409, Kitāb: al-Ṭahārah, Bāb: Sunan al-wuḍū’.

- ii) *Musnad al-Shāfi`ī*
- iii) *Sunan al-Shāfi`ī*
- iv) *al-Umm oleh al-Shāfi`ī*
- v) *Musnad Ahmad*
- vi) *Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybah*
- vii) *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*
- viii) *Tārīkh al-Bukhārī*
- ix) *Ṣaḥīḥ Muslim*
- x) *Sunan Abī Dāwūd*
- xi) *Marāsīl Abū Dāwūd*
- xii) *Sunan al-Tirmidhī*
- xiii) *Sunan al-Nasā`ī*
- xiv) *Sunan Ibn Mājah*
- xv) *Sunan al-Dārimī*
- xvi) *Sunan al-Dāruqutnī*
- xvii) *Sunan al-Bayhaqī*
- xviii) *Mustadrak al-Hākim*
- xix) *Mu`jam al-Kabīr oleh al-Ṭabarānī*
- xx) *Mu`jam al-Awsaṭ oleh al-Ṭabarānī*
- xxi) *al-Mashaykhat al-Kubrā oleh Qādī al-Mārastān*
- xxii) *Musnad al-Bazzār*
- xxiii) *Musnad Abū `Alī al-Mawṣilī*
- xxiv) *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*
- xxv) *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*
- xxvi) *Muntaqā Ibn al-Jārūd*
- xxvii) *al-`Ilal oleh Ibn Abī Hātim*
- xxviii) *al-Kāmil oleh Ibn `Adī*

KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa jasa dan ketokohan al-Rāfi`ī dalam mazhab Syafii sangat besar dan menjadi antara faktor utama yang memastikan kesinambungan kesuburan mazhab ini, khususnya melalui penghujahan berteraskan al-Qur`an dan hadis. Melalui *Fath al-`Azīz*, al-Rāfi`ī bukan sekadar menghuraikan permasalahan fiqh secara terperinci, bahkan membangunkan satu bentuk metodologi fiqh yang tersusun,

berasaskan dalil dan memiliki kerangka *istidlāl* yang kemas. Metodologi ini kemudiannya menjadi asas rujukan yang penting bagi para ulama selepasnya seperti al-Nawawī yang turut mengembangkan kaedah tersebut dalam karya-karya fiqh yang lebih teratur dan memperkenalkan istilah teknikal yang semakin mantap dalam tradisi Syafii.

Kajian ini turut membuktikan bahawa al-Rāfi‘ī berusaha sedaya upaya untuk mengemukakan dalil bagi setiap perbahasan fiqh yang diputuskan dalam *Fath al-‘Azīz*, sehingga menghimpunkan sebanyak 2995 hadis. Jumlah ini setanding dengan himpunan yang terdapat dalam sebahagian karya hadis utama, sekali gus menunjukkan keluasan penguasaannya terhadap sumber-sumber hadis serta kesungguhan beliau memastikan ijthadnya berpaksikan dalil yang sah dan kukuh.

Hasil analisis menunjukkan bahawa integrasi fiqh–hadis yang dipraktikkan oleh al-Rāfi‘ī telah memperkukuh lagi mazhab Syafii dengan dalil dan memberikan tapak *istidlāl* yang stabil untuk ulama selepasnya. Oleh itu, pengiktirafan terhadap ketokohan al-Rāfi‘ī perlu diberikan perhatian semula kerana warisannya bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan mazhab, tetapi juga memperkayakan tradisi keilmuan Islam secara keseluruhan. Kajian ini sekali lagi mengisi kelonggaran penyelidikan dalam bahasa Melayu mengenai tokoh ini dan meningkatkan apresiasi terhadap sumbangannya dalam kedua-dua disiplin fiqh dan hadis.

RUJUKAN

- Abd Rahman bin Rahuni & Mualimin Mochammad Sahid. Imam al-Rafi‘i dan Peranannya dalam Perkembangan Mazhab Syafi‘i. Brunei: *Jurnal al-Shafi‘i* (2019): 19-37.
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1984.
- Al-Dhahabī. *Tārīkh al-Islām*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1993.
- Al-Hāyis, Hassān bin Jāsīm. *Tahqīq al-‘Azīz sharḥ al-Wajīz*. Dubai: Jā‘izat Dubai al-Dawliyyat li al-Qur`ān al-Karīm, 2016.

- Al-Isnawī, ‘Abd al-Rahmān bin Ḥasan. *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 2002.
- Al-Khaṭīb al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad. *Mughnī al-Muḥtāj fi ma ‘rifah ma ‘ānī alfāz al-Minhāj*. Kaherah: Mathba’ah Mustafā al-Halabī, 1958.
- Al-Kurdī, Muḥammad bin Sulaymān. *al-Fawaid al-Madanīyyah fi man yuftā bi qawlihi min aimmat al-Shāfi‘iyyah*. Beirut: Dār Nūr al-Ṣabāḥ, 2011.
- Al-Malibārī, Aḥmad Kūyā bin ‘Alī. *Al-‘Awaid al-Dīniah fi talkhīs al-Fawaid al-Madanīyyah*. Kajian sarjana yang belum diterbitkan. Universiti al-Azhar. 2009.
- Al-Mubārakī, Yaḥyā Husayn Musāwī. *Tahqīq wa dirāsah al-qism al-tāsi‘ min kitab Fath al-‘Azīz fi sharḥ al-Wajīz*, Tesis PhD, Universiti Umm al-Qura, 1901.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Rawdat al-Ṭālibīn wa ‘Umdat al-Muḥtājīn*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1991.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Tahdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt*, Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 2003.
- Al-Qārī, Mullā ‘Alī, *Mirqāt al-Mafātīḥ sharḥ Mishkāṭ al-Maṣābīḥ*, Beirut: Dār al-Fikr, 2002.
- Al-Rāfi‘ī, ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad. *al-Tadwīn fi akhbār Qazwīn*. Beirut: Dar al-Kotob al-Ilmiyah, 1988.
- Al-Rāfi‘ī, Abū al-Qāsim ‘Abd al-Karīm. *al-‘Azīz fi sharḥ al-Wajīz*. Dubai: Jā‘izat Dubai al-Dawliyyat li al-Qur’ān al-Karīm, 2016.
- Al-Saqqāf, Sayyīd ‘Alawī ibn Aḥmad. *al-Fawa‘id al-makkiyyah fi mā yahtājuh talabat al-shāfi‘iyyah min al-masā’il wa al-qawā‘id al-kuliyyah*, Tarim: Markaz al-Nur, 2018.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn bin Taqī al-Dīn. *Ṭabaqāt al-al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1990.
- Hājī Khalīfah, Muṣṭafā bin ‘Abdullāh. *Kashf al-Zunūn an asāmī al-kutub al-funūn*, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth, 2020.
- Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn ‘Umar bin ‘Alī. *al-Badr al-Munīr*. Riyadh: Dār al-Hijrah, 2004.
- Ibn al-Mulaqqin, Sirāj al-Dīn ‘Umar bin ‘Alī. *Khulāṣat al-Badr al-Munīr*. Kaherah: Maktabah al-Rushd, 2011.

- Ibn Hidāyatullāh. *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, Beirut: Dār al-Afaq al-Jadīdah, 1982.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. *Ṭabaqāt al-Fuqahā` al-Shāfi‘iyyīn*, Kaheerah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah, 1993.
- Ibn Qādī Shuhbah, Abū Bakr bin Aḥmad. *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah*, Beirut: Dār ‘Ālim al-Kutub, 1987.
- Ibrāhīm, Narjis ‘Aṭiyyah. *Khādim al-Rāfi‘ī wa al-Rawḍah: Tahqīq wa Dirasah*, Tesis sarjana belum diterbitkan, Mekah: Universiti Umm al-Qura, 2014.
- Muhammad Asrori Ma’sum, Histori hadits karya Imam Muslim: Peran penting kitab hadits shahih Muslim dalam mendefinisikan pendidikan, *Journal Didaktika Religia* 4, no.1, Kediri: IAIN, 2016.
- Nik Airin Aqmar, Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Mohd Zuhaili Saiman. “Analisis Perkembangan Istilah Qawl Muktamad dan Rujukan Kitab Muktamad dalam Mazhab Syafie.” *Jurnal ‘Ulwan* 8, no. 1 (2023). Universiti Islam Melaka.
- Waḥīd ‘Āṭif ‘Abd al-‘Azīz. *al-Imam al-Rāfi‘ī wa juhūdahu fī al-Fiqh al-Islāmī*. Kajian sarjana yang belum diterbitkan. Universiti Kaheerah. 2012.
- Yahaya, Mohammad Zaini, and Muhammad Adib Samsudin. 2022. “Imam Al-Haramayn Al-Juwayni Dan Karya Agungnya ‘Nihayat Al-Matlab Fi Dirayat Al-Madhhab’: Imam Al-Haramayn Al-Juwayni and His Esteemed Literary Work Entitled ‘Nihāyat Al-Maṭlab Fī Dirāyat Al-Madhhab’”. *Journal of Ifta and Islamic Heritage* 1 (1):1-29. <https://ejournal.muftiwp.gov.my/index.php/jiftah/article/view/7>